

GARIS PANDUAN SKIM LATIHAN KHAS KAKITANGAN AKADEMIK DAN PENTADBIRAN (SLKKAP)

1.0 PENGENALAN

Skim Latihan Khas Kakitangan Akademik dan Pentadbiran (SLKKAP) adalah merupakan satu program pembiayaan biasiswa oleh Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) bertujuan menaja staf akademik dan bukan akademik (selepas ini dirujuk sebagai Pegawai) Bumiputera/Bukan Bumiputera membuat pengajian secara separuh masa/pendidikan jarak jauh di Universiti Awam atau institusi-institusi lain yang diiktiraf dalam Negara. ^{*Baharu}

2.1 SYARAT-SYARAT

- Warganegara Malaysia;
- Staf berjawatan tetap yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya 5 tahun;
- Telah disahkan dalam perkhidmatan;
- Memperoleh markah LNPT 85% ke atas untuk 3 tahun terakhir;
- Berumur tidak melebihi 50 tahun dan baki perkhidmatan mencukupi utk tempoh ikatan;
- Pengajian dibuat secara separuh masa/pendidikan jarak jauh di Universiti Awam atau institusi – institusi lain yang diiktiraf dalam negara; ^{*Baharu}
- Tidak pernah dikenakan tindakan tata tertib atau terlibat di dalam proses siasatan;
- Tidak layak menerima biasiswa daripada agensi lain;
- Pegawai yang telah menerima diskaun yuran pengajian (UPSI) adalah tidak layak memohon;
- Diperakukan oleh Ketua Pusat Tanggungjawab.

3.1 TAHAP PENGAJIAN

- a) Kumpulan Akademik:
Sarjana dan Doktor Falsafah
(*Bidang pengajian sesuai dengan bidang pengkhususan akademik dan diperlukan oleh UPSI*)
- b) Kumpulan Bukan Akademik:
Sijil, Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah
(*Bidang pengajian sesuai dengan profesion dan kelayakan ikhtisas*)

4.0 KUOTA

4.1 Perincian kuota adalah seperti berikut:

KUMPULAN PERKHIDMATAN	PERINGKAT PENGAJIAN	KUOTA	JUMLAH
Akademik	Ijazah Doktor Falsafah	5	10
	Ijazah Sarjana	5	
Bukan Akademik	Ijazah Doktor Falsafah	2	15
	Ijazah Sarjana	3	
	Ijazah Sarjana Muda	6	
	Diploma	3	
	Sijil	1	
JUMLAH KESELURUHAN			25

4.2 Penawaran 25 kuota adalah pada satu-satu masa dan **bukan pada setiap tahun**. Permohonan baharu hanya boleh dipertimbangkan tertakluk kepada:

- Permohonan sebelumnya telah selesai/menamatkan pengajian; dan
- Kedudukan kewangan semasa universiti mencukupi

4.3 Kuota boleh dipinda mengikut keperluan. ^{*Baharu}

5.0 TEMPOH PENAJAAN

5.1 Tempoh penajaan mengikut peringkat pengajian adalah seperti berikut:

PERINGKAT PENGAJIAN	TEMPOH TAJAAN
Sijil	Berdasarkan surat tawaran
Diploma	Berdasarkan surat tawaran
Sarjana Muda	10 Semester
Sarjana	4 Semester
PhD	8 Semester
Tiada tempoh pelanjutan penajaan yang dibenarkan	

5.2 Pegawai yang telah memulakan pengajian sebelum ditawarkan di bawah skim ini tidak akan dibayar semula bayaran yuran yang telah dibayar kecuali bayaran yuran tersebut untuk semester semasa. ^{*Baharu}

6.0 TEMPOH UNTUK MENAMATKAN PENGAJIAN

Pegawai diberi tempoh 2 tahun dari tarikh tamat tempoh tajaan untuk menamatkan pengajian. Jika gagal, tuntutan ganti rugi akan diambil.

7.0 KEMUDAHAN

7.1 Yuran Pengajian– mengikut kadar sebenar yang dituntut oleh universiti berkenaan;

7.2 Elaun Tesis/Pemeriksaan Tesis

- Doktor Falsafah - RM 6,000.00
- Sarjana - RM 3,000.00 (Mod Penyelidikan) RM 1,500.00 (Mod Campuran)

8.0 PENANGGUHAN MEMULAKAN PENGAJIAN

Pegawai yang telah diluluskan untuk melanjutkan pengajian di dalam sesi temu duga diberi tempoh enam (6) bulan untuk memulakan pengajian. Sekiranya pegawai tidak berbuat demikian, kelulusan akan ditarik balik.

9.0 LAPORAN KEMAJUAN SISWAZAH/KEPUTUSAN PEPERIKSAAN

Pegawai perlu menghantar Laporan Kemajuan Pengajian Siswazah/Keputusan Peperiksaan setiap 6 bulan sekali atau dua minggu selepas keputusan peperiksaan akhir diperoleh. Sekiranya pegawai gagal menghantar laporan/keputusan tersebut, pembayaran yuran pengajian semester akan datang akan ditahan. ^{*Baharu}

10.0 PENANGGUHAN SEMASA PENGAJIAN ^{*Baharu}

Pegawai yang hendak membuat penangguhan pengajian atas sebab masalah kesihatan atau masalah lain perlu memaklumkan dahulu kepada Unit Cuti Belajar sebelum membuat penangguhan. Salinan surat kebenaran penangguhan pengajian daripada institusi pengajian juga perlu dihantar kepada Unit Cuti Belajar.

11.0 PERJANJIAN

Pegawai yang ditawarkan pembiayaan di bawah program ini dikehendaki menandatangani perjanjian. Sehubungan dengan itu, Surat Perjanjian hendaklah disempurnakan sebelum memulakan pengajian. Sekiranya gagal berbuat demikian pembayaran yuran pengajian akan ditahan.

12.0 IKATAN KONTRAK

12.1 Pegawai yang telah menamatkan pengajian tidak boleh memohon untuk program pembiayaan biasiswa UPSI/Kementerian yang lain sekiranya tempoh ikatan kontrak (tahun berkhidmat) masih belum tamat. ^{*Baharu}

12.2 Berikut jadual ikatan kontrak dan ganti rugi:

JUMLAH PEMBIAYAAN	TAHUN BERKHIDMAT	JUMLAH GANTIRUGI
Sehingga RM 9,999.00	2 tahun	- sebenar -
RM 10,000.00 hingga RM 14,999.00	3 tahun	- sebenar -
RM 15,000.00 dan ke atas	4 tahun	- sebenar -

12.0 URUSAN PERMOHONAN

10.1 Permohonan secara *online* melalui Myupsi Portal dan akan dipanggil temu duga untuk kelulusan.

10.2 Dokumen yang perlu dihantar semasa memohon

- i. Surat Tawaran universiti yang menawarkan tempat pengajian
- ii. Cadangan penyelidikan yang komprehensif yang diperaku dan disahkan oleh dekan (untuk kakitangan akademik sahaja)
- iii. Curriculum Vitae (CV) penyelia
- iv. Salinan Sijil-sijil akademik

*MJKPU Bil 13/2020
Disember 2020*